

Berdasarkan potensi memenangi anugerah di peringkat antarabangsa

KPT iktiraf 3 penyelidikan USIM



ASMA Ismail menerima sijil penghargaan daripada Ab. Rahim Md Noor pada majlis Malam Citra di Seremban, baru-baru ini.

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 26 Mac - Kementerian Pengajian Tinggi mengiktiraf tiga penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berpotensi untuk dikomersialkan serta memenangi anugerah di peringkat antarabangsa dan kebangsaan dalam tempoh 2011 dan 2012.

Penciptaan inovasi USIM itu meliputi penyelidikan berhubung Linguistik Bahasa Arab dengan Kaedah Muthla Takamuliah, Alatan Penyiasatan Forensik Digital dan Tekanan Keluarga E-Sohffanz.

Sehubungan itu, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail bersama penyelidik universiti itu telah dianugerahkan sijil penghargaan kementerian pada majlis Malam Citra yang diadakan baru-baru ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ber-

kata, dalam persaingan dunia tanpa sempadan, kemampuan bersaing menjadi penanda aras terhadap carta kompetitif global terutamanya kemampuan mereka cipta.

“Semua ini ditampilkan melalui penemuan pemikiran yang menjadi pedoman dalam perlumbaan ino-

vasi masa kini,” katanya ketika berucap dalam program berkenaan.

Teks ucapan beliau dibacakan Setiausaha kementerian,

Datuk Ab. Rahim Md. Noor.

Menurut Khaled, peranan institusi pengajian tinggi (IPT) amat kritikal bukan sahaja sebagai pemacu kegemilangan tradisi ilmu, malah berperanan untuk mewujudkan ekosistem intelektual yang kondusif.

“Dalam konteks ini, pengembangan usaha padu ke arah penerokaan dan penjanaan kreativiti dalam melahirkan inovasi dan penciptaan nilai tambah amat diperlukan,” katanya.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA